



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**SISTEM NOTIFIKASI SMS (SMS ALERT) BAGI TARIKH PENDENGARAN KES DI
MAHKAMAH PERSEKUTUAN DAN MAHKAMAH RAYUAN**

Dalam misi Badan Kehakiman Malaysia untuk memperkasa sistem pentadbiran kehakiman yang berkualiti dan cekap, satu inisiatif teknologi telah diwujudkan menerusi sistem notifikasi berbentuk *Short Message Service* (SMS) bagi tarikh pendengaran kes yang seterusnya di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan bermula 1 Jun 2021.

Bagi tujuan tersebut, pemfail dokumen hendaklah mengemaskini profil di dalam Sistem e-Filing (EFS) dengan memasukkan nombor telefon bimbit sebelum meneruskan pemfailan.

Notifikasi SMS akan dihantar melalui nombor telefon tersebut sebaik tarikh pendengaran kes yang seterusnya ditetapkan, sama ada bagi prosiding utama (Rayuan/Usul) atau permohonan interlokutori. Walau bagaimanapun, notifikasi tersebut adalah bagi kes-kes sivil sahaja dan tidak termasuk pengurusan kes (*case management*).

Pengguna EFS disaran untuk merujuk kepada "Manual Pengguna *SMS Alert* Tarikh Pendengaran Seterusnya FC/COA" yang disediakan dalam ruangan Menu EFS untuk tataraca dan butiran lanjut.

Sistem notifikasi SMS (*SMS Alert*) bagi tarikh pendengaran kes ini akan juga diperluaskan ke Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah. Diharapkan inisiatif teknologi ini akan dapat memudahkan pemegang taruh dalam urusan pendengaran kes di Mahkamah, sekaligus memperkasakan penyampaian keadilan.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pengguna boleh layari laman web rasmi <https://efs.kehakiman.gov.my/EFSWeb/> atau berhubung dengan pegawai berikut:

Puan Norhanum binti Hassan

Timbalan Pendaftar

Bahagian e-Kehakiman

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

No. Tel : 03-8880 3587

Emel : norhanum@kehakiman.gov.my

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 31 Mei 2021